

PERANAN PREMIS FIZIKAL DALAM MENYOKONG USAHAWAN LUAR BANDAR: SUATU ULASAN NARATIF

Syafiqah Md Nayan*, Nadiah Mahmad Nasir, Nuraini Abdullah, Atikah Nor Johari

Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis, Kampus UniCITI Alam, 02100 Padang Besar, Perlis, Malaysia

**syafiqah@unimap.edu.my*

ABSTRAK

Keusahawanan luar bandar merupakan teras kepada pembangunan ekonomi tempatan, namun perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) sering dihalang oleh cabaran struktur yang unik seperti pengasingan geografi, kekurangan infrastruktur, capaian internet yang lemah, serta kekangan kewangan dan sosio-budaya. Di sebalik peralihan pesat ke arah e-dagang, data terkini menunjukkan premis fizikal terus mempamerkan daya tahan tinggi dan memainkan fungsi kritikal sebagai sauh komuniti. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti mekanisme pelbagai aspek tentang bagaimana premis fizikal menyokong usahawan luar bandar. Menggunakan pendekatan ulasan naratif berpandukan carian pangkalan data Scopus AI, kajian ini menyintesis literatur empirikal dari dua dekad lalu merentasi disiplin pembangunan luar bandar, geografi ekonomi, dan transformasi digital. Pendekatan ini diambil bagi mengatasi kelemahan kerangka keusahawanan semasa yang didapati terlalu berpusatkan bandar (*urban-centric*). Analisis tematik mendedahkan lima tema utama: (1) variasi model sokongan yang direka khusus mengikut keperluan tempatan seperti penubuhan hab perusahaan; (2) peranan ruang fizikal dalam memupuk ketersambungan sosial dan ekonomi melalui bantuan pemudah cara; (3) impak jurang serantau serta lokasi geografi terhadap keberkesanan perniagaan; (4) kebangkitan trend integrasi digital-fizikal (model hibrid) yang berpotensi tinggi namun masih terhalang oleh jurang literasi digital; dan (5) keperluan intervensi berasaskan komuniti bagi mengatasi halangan pinjaman kewangan dan norma gender yang mengekang usahawan wanita. Kesimpulannya, premis fizikal bertindak sebagai platform sosio-ekonomi menyeluruh yang membantu mengatasi rintangan pengasingan geografi. Bagi memastikan kelestarian PMKS luar bandar, dasar kerajaan pada masa hadapan perlu mengutamakan strategi berasaskan konteks setempat, memperkasa model hibrid digital-fizikal, serta memperkukuh kerjasama bersama komuniti.

Kata Kunci: Keusahawanan Luar Bandar, Premis Fizikal, Model Hibrid, Hab Perusahaan, Integrasi Digital-Fizikal, Ulasan Naratif, Pembangunan Ekonomi Tempatan

PENGENALAN

Keusahawanan luar bandar diiktiraf secara meluas sebagai asas kepada pembangunan ekonomi tempatan, perpaduan sosial, dan daya tahan komuniti (Merrell *et al.*, 2022). Perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) membentuk tulang belakang kepada ekonomi negara, dan memastikan komuniti luar bandar dapat menyertai pertumbuhan ini secara bermakna adalah penting untuk merapatkan jurang sosio-ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar (United Nations Development Programme [UNDP], 2026). Walaupun naratif *retail apocalypse* atau pengakhiran peruncitan sering mendominasi tajuk utama berita, data terkini menunjukkan bahawa premis fizikal sedang membuat kemunculan semula yang ketara, mempamerkan daya tahan yang mengejutkan di mana pembukaan kedai baharu secara konsisten mengatasi jumlah penutupan (Danziger, 2026). Dalam persekitaran luar bandar, premis fizikal ini daripada hab perusahaan dan ruang kerja bersama (*co-working*

spaces) sehinggalah kepada bengkel pertukangan berskala kecil dan kedai runcit yang berfungsi sebagai sauh komuniti yang kritikal. Selain bertindak sebagai ruang komersial, premis fizikal juga merupakan infrastruktur yang signifikan dalam memupuk interaksi sosial, dan memudahkan cara pertukaran pengetahuan serta sumber yang penting (Kovács & Zoltán, 2017; Merrell *et al.*, 2021).

Di sebalik nilai intrinsik premis fizikal, usahawan luar bandar berhadapan dengan set cabaran struktur dan persekitaran unik yang menghalang pertumbuhan mereka. Tidak seperti rakan sejawatan mereka di bandar, perniagaan luar bandar perlu mengemudi isu pengasingan geografi, saiz pasaran yang terhad, kekurangan infrastruktur, dan capaian internet yang tidak boleh diharap (Besser & Miller, 2013; Burnett & Danson, 2017; UNDP, 2026). Tambahan pula, usahawan luar bandar sering beroperasi dalam persekitaran yang dibatasi oleh halangan kewangan dan sosio-budaya yang meruncing. Sebagai contoh, norma gender yang mengekang dan kekurangan tahap literasi kewangan sangat mengehadkan penglibatan pasaran wanita serta akses mereka kepada kemudahan pinjaman kredit (Ergün *et al.*, 2024; Kitole & Genda, 2024). Walaupun inisiatif tempatan seperti Pusat Sebaran Maklumat Nasional (Nadi) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Malaysia telah menunjukkan kejayaan dalam membantu usahawan luar bandar mendepani anjakan digital dan meluaskan pasaran mereka ke peringkat global, usaha-usaha ini juga menonjolkan keperluan yang mendesak terhadap sokongan berterusan dan bersasar bagi mengatasi kelemahan infrastruktur serta kemahiran (Bernama, 2025; The Sun Webdesk, 2025).

Walaupun terdapat momentum yang semakin meningkat untuk menyokong inovasi dan perusahaan luar bandar, literatur sedia ada mendedahkan jurang teori dan empirikal yang ketara. Pertama, terdapat bias berpusatkan bandar (*urban-centric bias*) yang meluas dalam rangka kerja keusahawanan semasa, yang mana ia sebahagian besarnya direka berpandukan konteks bandar atau berteknologi tinggi lantas gagal menangani realiti khusus persekitaran luar bandar (Klofsten *et al.*, 2020; OECD, 2022). Kedua, literatur kekurangan rangka kerja bersepadu yang mampu merangkul secara mendalam ikatan hubungan sosial dan institusi yang diperlukan supaya keusahawanan luar bandar dapat berkembang maju (Muñoz & Kimmitt, 2019). Akhir sekali, memandangkan perniagaan semakin beralih ke arah operasi digital, integrasi alatan digital dengan infrastruktur fizikal tradisional (*model hibrid*) masih lagi kurang dikaji secara kritikal. Secara khususnya, kemampuan jangka panjang, keterangkuman (*inclusivity*), dan keberkesanan model sokongan digital-fizikal ini dalam merapatkan jurang digital luar bandar menuntut siasatan empirikal yang lebih lanjut (Ahuja *et al.*, 2025; Xiang & Hu, 2025).

Bagi menangani kelompangan yang diketengahkan dan cabaran mendesak yang dihadapi oleh komuniti luar bandar, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti mekanisme pelbagai aspek tentang bagaimana kedai dan hab fizikal menyokong pemilik perniagaan luar bandar. Dengan meneliti dimensi ekonomi, sosial, dan infrastruktur ruang-ruang ini, objektif kajian ini adalah untuk memahami bagaimana premis luar bandar menyesuaikan diri dengan konteks tempatan, mengurangkan kesan pengasingan geografi, dan menyepadukan model hibrid digital-fizikal bagi memupuk pertumbuhan yang inklusif.

METODOLOGI

Bahagian ini membincangkan metodologi yang diaplikasikan dalam pelaksanaan kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan ulasan naratif (*narrative review*) dan memanfaatkan sepenuhnya fungsi carian Scopus AI untuk mengenal pasti, menyaring, dan menganalisis dokumen-dokumen yang perlu diulas bagi menjawab persoalan kajian berkaitan peranan premis fizikal terhadap usahawan luar bandar.

Reka Bentuk Kajian dan Strategi Pencarian Artikel

Kajian ini direka bentuk sebagai satu ulasan naratif yang bertujuan untuk mensintesis dan menilai literatur sedia ada yang memfokuskan kepada perspektif ekonomi, sosial, dan infrastruktur premis fizikal di kawasan luar bandar. Strategi pencarian artikel dilaksanakan menggunakan alat sokongan pangkalan data akademik, iaitu Scopus AI. Untuk memastikan carian adalah komprehensif dan merangkumi pelbagai sudut pandang, pencarian artikel difokuskan kepada beberapa disiplin ilmu yang relevan, iaitu pembangunan luar bandar, keusahawanan, geografi ekonomi, pengajian gender, dan transformasi digital. Dari segi tempoh masa pula, skop kajian merangkumi literatur yang diterbitkan dalam tempoh dua dekad yang lalu, dengan penekanan khusus diberikan kepada kajian berbentuk empirikal dan penyelidikan meta-analisis yang terkini.

Proses Pemilihan Artikel

Proses pemilihan artikel dilaksanakan dengan meneliti perkaitan setiap dokumen terhadap skop kajian dan objektif utama penyelidikan. Artikel-artikel yang dipaparkan dan diekstrak untuk ulasan ini merangkumi pelbagai kaedah penyelidikan asas, termasuk meta-analisis, kajian kes, analisis perbandingan serantau, serta tinjauan bersifat kualitatif dan kuantitatif. Semasa proses pemilihan, kajian ini turut mengambil kira batasan literatur yang wujud; sebagai contoh, majoriti penyelidikan sedia ada tertumpu di negara-negara maju dan perbincangannya sering didominasi oleh rangka kerja berpusatkan bandar (*urban-centric*) berbanding model khusus untuk luar bandar. Pemahaman terhadap had ini penting bagi memastikan dokumen yang dipilih benar-benar relevan atau sekurang-kurangnya dapat menonjolkan kelompangan konteks luar bandar yang perlukan penambahbaikan.

Analisis Data dan Sintesis Naratif

Bagi tujuan analisis data, kajian ini mengaplikasikan pendekatan sintesis naratif di mana penemuan-penemuan daripada artikel yang dipilih disepadukan secara logik untuk membentuk struktur perbincangan yang koheren. Data yang diperoleh daripada literatur dikategorikan kepada pengelompokan tematik yang menjawab secara langsung peranan dan cabaran premis fizikal. Secara khusus, sintesis naratif ini menghasilkan lima tema utama, iaitu: (1) variasi model sokongan yang disesuaikan dengan keperluan tempatan, (2) memupuk ketersambungan sosial dan ekonomi, (3) jurang serantau berdasarkan geografi, (4) integrasi digital-fizikal, dan (5) halangan kewangan serta sosio-budaya. Melalui kaedah penganalisan tematik ini, kajian dapat merumuskan jawapan secara komprehensif bahawa premis fizikal memainkan peranan pelbagai aspek dalam mengatasi pengasingan geografi dan membina daya tahan ekonomi komuniti luar bandar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sintesis literatur yang dikaji mendedahkan bahawa premis fizikal (kedai atau ruang perniagaan) memainkan peranan yang pelbagai dan berbeza mengikut rantau dalam menyokong keusahawanan luar bandar. Daripada sekadar berfungsi sebagai ruang komersial, lokasi fizikal ini bertindak sebagai sauh penting yang membantu mengatasi pengasingan geografi, menyediakan infrastruktur fizikal yang kritikal, dan meningkatkan daya tahan ekonomi tempatan (Merrell *et al.*, 2022). Literatur menekankan bahawa keberkesanan premis-premis ini amat bergantung kepada sejauh mana ia dapat disesuaikan dengan sumber tempatan, keperluan sektor, dan realiti infrastruktur sedia ada (Kovács & Zoltán, 2017; Merrell *et al.*, 2021). Daripada analisis ini, lima tema utama telah dikenal pasti yang menerangkan pelbagai mekanisme bagaimana premis fizikal menyokong usahawan luar bandar, berserta dengan cabaran besar yang perlu diharungi

Variasi dalam Model Sokongan yang Disesuaikan dengan Keperluan Tempatan

Premis fizikal luar bandar menggunakan pelbagai jenis model yang direka khusus agar sesuai dengan keperluan ekonomi dan komuniti tempatan. Jenis-jenis utama yang sering wujud termasuklah hab perusahaan (seperti ruang kerja kongsi, pusat kerja bersama, dan inkubator perniagaan), perniagaan berskala kecil (seperti bengkel pertukangan, perusahaan berkaitan pertanian, dan kedai runcit), serta penyedia perkhidmatan awam (termasuk sekolah dan pusat kesihatan yang beroperasi secara keusahawanan untuk mengekalkan kelangsungan) (Adeboye, 1996; Hajilo, 2022; Küpper *et al.*, 2024; Leick *et al.*, 2021; Lyon, 2016; Maliwichi *et al.*, 2023; Merrell *et al.*, 2022). Reka bentuk ruang ini sering mencerminkan strategi perniagaan tempatan yang khusus. Sebagai contoh, sesetengah hab berfungsi sebagai "Periuk Madu" (Honey Pots) yang menyasarkan penyewa perniagaan-ke-pelanggan (B2C) seperti sektor kreatif dan pelancongan bagi memperkukuh kemudahan awam, manakala ada yang beroperasi sebagai 'Sarang' (Hives) yang menyasarkan penyewa perniagaan-ke-perniagaan (B2B) dengan menekankan perkongsian sumber dan kolaborasi (Merrell *et al.*, 2021). Tambahan pula, keperluan sokongan sangat berbeza mengikut sektor dimana perusahaan berasaskan pertanian biasanya memerlukan bimbingan dan latihan untuk mengurus ketidakpastian pasaran (Chandre Gowda & Prabhu Kumar, 2007; McDonagh *et al.*, 2026; Merrell *et al.*, 2022), manakala perusahaan bukan pertanian lebih banyak berhadapan cabaran melibatkan kemahiran dan inovasi (Bryant, 1989; Candelario-Moreno & Sánchez-Hernández, 2024; Grande & Carlsson, 2020).

Memupuk Ketersambungan Sosial dan Ekonomi

Fungsi utama premis-premis fizikal ini adalah untuk memupuk ikatan sosial, memudah cara pertukaran sumber, dan menyediakan akses pasaran yang penting. Dengan menawarkan kemudahan infrastruktur yang dikongsi seperti ruang kerja dan bilik mesyuarat, premis ini bertindak sebagai kawasan awam yang menggalakkan interaksi, kepercayaan, dan faedah perkongsian lokasi, yang mana elemen-elemen ini amat penting bagi kelestarian sosio-budaya komuniti luar bandar (Betzing *et al.*, 2018; Kovács & Zoltán, 2017; Kaur & Joshi, 2021; Merrell *et al.*, 2022; Virkkala & Saarela, 2024). Walau bagaimanapun, literatur menegaskan bahawa infrastruktur fizikal semata-mata adalah tidak memadai. Kehadiran pemudah cara (*facilitators*) dan perantara (*intermediaries*) adalah sangat kritikal untuk mewujudkan kerjasama yang bermakna (Kovács & Zoltán, 2017). Pemudah cara berperanan meruntuhkan jurang pemisahan sektor dan melaksanakan rangkaian pembelajaran (Gray *et al.*, 2013; Merrell *et al.*, 2021; Reinl *et al.*, 2015), manakala perantara bertindak sebagai broker yang menghubungkan perniagaan luar bandar dengan kerajaan, organisasi bukan untung, dan institusi penyelidikan bagi tujuan pengkomersialan dan peluasan rangkaian (Dubois *et al.*, 2012; Gray *et al.*, 2013; Varga & Rosca, 2019).

Jurang Serantau dan Konteks Geografi

Peranan sokongan serta keberkesanan premis fizikal jauh berbeza berdasarkan lokasi geografi. Premis yang terletak di kawasan pedalaman terpencil, pulau, atau pergunungan berhadapan dengan cabaran yang lebih ekstrem, termasuk kekurangan infrastruktur, jarak yang sangat jauh, dan saiz pasaran yang amat terhad (Besser & Miller, 2013; Burnett & Danson, 2017). Di persekitaran yang sukar ini, sokongan rasmi daripada institusi lazimnya tidak mencukupi. Oleh itu, kekuatan hubungan masyarakat setempat (*local embeddedness*), modal sosial, dan rangkaian komuniti sering bertindak sebagai pengganti kepada bantuan rasmi (Besser & Miller, 2013; Burnett & Danson, 2017; Grande & Carlsson, 2020). Sebaliknya, kawasan luar bandar yang lebih mudah diakses umumnya mendapat manfaat daripada ketersambungan dan sokongan institusi yang lebih baik, sekaligus membolehkan usahawan luar bandar di kawasan tersebut membina model perniagaan yang lebih pelbagai dan berskala besar (Apostolopoulos *et al.*, 2025; Freitas & Kitson, 2018).

Integrasi Digital-Fizikal dan Model Hibrid

Terdapat trend yang semakin berkembang ke arah pembangunan model hibrid yang menggabungkan alat digital seperti e-dagang dan perdagangan mudah alih dengan premis fizikal tradisional (Alka *et al.*, 2025; Kelly, 2023; Reynolds, 2022). Jalur lebar dan ketersambungan digital adalah ciri infrastruktur kritikal yang membantu mengurangkan pengasingan geografi, lalu membolehkan capaian pasaran dan sokongan inovasi (Chen *et al.*, 2023; Duvivier & Bussière, 2022; Lynn *et al.*, 2022). Integrasi ini berfungsi sebagai platform kukuh untuk meluaskan capaian pasaran dan mengurangkan halangan penyertaan, sejajar dengan inisiatif infrastruktur "Kampung Pintar" moden (Khan *et al.*, 2023). Walaupun ia mempunyai potensi yang menjanjikan, literatur menonjolkan kelemahan yang masih berterusan. Jurang digital, infrastruktur komunikasi yang tidak boleh diharap, dan tahap literasi digital yang rendah terus mengehadkan keberkesanan model hibrid ini, lantas memerlukan reka bentuk dasar yang berfokus serta penglibatan pihak berkepentingan untuk merapatkan jurang tersebut (Ahuja *et al.*, 2025; Xiang & Hu, 2025).

Mengharungi Halangan Kewangan dan Sosio-Budaya

Premis sokongan sering kali beroperasi dalam persekitaran yang dibatasi oleh pelbagai halangan kewangan dan sosio-budaya yang meruncing. Akses pinjaman yang terhad merupakan halangan utama, lazimnya berpunca daripada ketiadaan cagaran, sejarah kredit yang terhad, dan literasi kewangan yang rendah (Ingutia & Sumelius, 2024; Kodmalwar *et al.*, 2025; Kumar *et al.*, 2023; Ali, 2024). Di samping itu, norma gender yang mengekang amat menyekat penglibatan pasaran wanita, akses mereka kepada sumber, dan peluang untuk mendapatkan bimbingan (Bayram *et al.*, 2024; Ergün *et al.*, 2024; Kitole & Genda, 2024; Semkunde *et al.*, 2022). Untuk mengatasi cabaran ini, literatur menunjukkan bahawa model berasaskan komuniti yang bersepadu mempamerkan potensi yang paling tinggi. Intervensi seperti kumpulan bantu diri (SHG), persatuan simpanan dan pinjaman kampung (VSLA), skim kredit pusingan tidak formal, dan program yang menggabungkan literasi kewangan dengan perkhidmatan nasihat adalah sangat berkesan dalam membina kepercayaan, fleksibiliti, dan pemeraksanaan, terutamanya bagi wanita luar bandar (Agarwala *et al.*, 2022; Kodmalwar *et al.*, 2025; Peter & Orser, 2024; Savithiri *et al.*, 2026). Tambahan pula, mengatasi halangan-halangan ini memerlukan usaha bagi mengelakkan padanan dasar "pukul rata" (*one-size-fits-all*) yang gagal menangani realiti spesifik persekitaran luar bandar (Klofsten *et al.*, 2020; Lebambo, 2019; Lebambo & Shambare, 2017).

PENUTUP

Secara keseluruhannya, premis fizikal merupakan asas yang sangat penting kepada pembangunan keusahawanan luar bandar, bertindak sebagai sauh ekonomi, hab interaksi sosial, dan platform untuk memacu inovasi (Ergün *et al.*, 2024; Merrell *et al.*, 2022; Pato & Teixeira, 2016). Keberkesanan premis-premis ini banyak dipengaruhi oleh konteks tempatan, keperluan spesifik mengikut sektor, serta kualiti sokongan dari sudut infrastruktur dan rangkaian sosial. Walaupun model hibrid yang menggabungkan elemen digital dan fizikal menawarkan potensi yang amat menjanjikan, pelbagai cabaran yang berterusan termasuk kekangan kewangan, kelemahan infrastruktur, dan halangan sosio-budaya yang menuntut kepada penyelesaian yang bersepadu, kolaboratif, serta peka terhadap konteks setempat (Ergün *et al.*, 2024).

Bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian perniagaan luar bandar, hala tuju penyelidikan dan perangkaan dasar pada masa hadapan harus mengutamakan model yang direka khusus untuk luar bandar, sistem sokongan yang lebih inklusif, serta penglibatan yang aktif daripada pihak kerajaan tempatan dan komuniti (Merrell *et al.*, 2022; Pato & Teixeira, 2016). Kajian lanjut amat disarankan bagi membangunkan dan menguji keberkesanan model

inkubator perniagaan khusus untuk luar bandar serta sokongan berkonsepkan hibrid (Virkkala & Saarela, 2024). Selain itu, kajian jangka panjang (*longitudinal studies*) perlu dilaksanakan untuk menilai kemampuan serta impak sebenar sistem sokongan digital-fizikal yang bersepadu ini ke atas komuniti (Burvill *et al.*, 2026; Kaus & Entsminger, 2026; Xiang & Hu, 2025). Usaha penyelidikan juga perlu meneliti dan menyiasat peranan kerajaan tempatan berserta kerjasama komuniti di pelbagai latar belakang luar bandar (Farmer, 2023; Franklin & Marsden, 2015; Siemens, 2019; Villarreal-Valtierra *et al.*, 2025), di samping mereka bentuk intervensi pemeraksanaan dan literasi kewangan yang peka kepada isu jantina (Kitole & Genda, 2024; Semkunde *et al.*, 2022; Supreeta *et al.*, 2026).

Sebagai satu pandangan yang kreatif dan berinovasi, pelaksanaan model hibrid yang menyepadukan platform digital dengan hab premis fizikal tradisional contohnya seperti portal digital yang diuruskan oleh komuniti dan dihubungkan secara langsung dengan ruang fizikal tempatan yang mampu menjadi serampang dua mata. Pendekatan sebegini boleh memudahkan cara capaian pasaran, merangsang pembangunan kemahiran, dan memperluas pembinaan rangkaian secara serentak, yang mana kesemuanya disesuaikan secara khusus dengan dinamik serta keunikan persekitaran luar bandar (Ahuja *et al.*, 2025; Alka *et al.*, 2025).

RUJUKAN

- Adeboye, T. (1996). Technological capabilities in small and medium enterprise clusters: review of international experience and implications for developing countries. <https://www.cabidigitallibrary.org/doi/full/10.5555/19971807218>
- Agarwala, V., Maity, S., & Sahu, T. N. (2022). Female entrepreneurship, employability and empowerment: impact of the mudra loan scheme. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 27(01), 2250005.
- Ahuja, S., Sadreddin, A., Marcolin, B., Kanda, S., & Ehrhardt, A. (2025). Fostering Inclusive Digital Entrepreneurial Ecosystems. <https://aisel.aisnet.org/amcis2025/panels/panels/1/>
- Alka, T. A., Sreenivasan, A., & Suresh, M. (2024, August). Role of mobile commerce in rural entrepreneurship. In *International Conference on ICT for Sustainable Development* (pp. 123-132). Singapore: Springer Nature Singapore.
- Apostolopoulos, N., Triantos, A., Deirmentzoglou, G. A., & Apostolopoulos, S. (2025). E-Commerce Within Small Businesses Headquartered in Mountainous Areas. In *Entrepreneurial Opportunities in Disadvantaged Rural Communities* (pp. 95-120). IGI Global Scientific Publishing.
- Bayram, G. E., Bayram, A. T., & Sak, M. (2024). Examining barriers and building resiliency for rural women entrepreneurs. IGI Global.
- Bernama. (2025, August 9). Nadi helps rural entrepreneurs embrace digital shift. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1257505/nadi-helps-rural-entrepreneurs-embrace-digital-shift>
- Besser, T. L., & Miller, N. J. (2013). Community matters: Successful entrepreneurship in remote rural US locations. *The International Journal of Entrepreneurship and Innovation*, 14(1), 15-27.
- Betzing, J. H., Hoang, A. Q. M., & Becker, J. (2018, March). In-store Technologies in the Retail Servicescape. In *MKWI* (pp. 1671-1682).
- Bryant, C. R. (1989). Entrepreneurs in the rural environment. *Journal of Rural Studies*, 5(4), 337-348.
- Burnett, K. A., & Danson, M. (2017). Enterprise and entrepreneurship on islands and remote rural environments. *The International Journal of Entrepreneurship and Innovation*, 18(1), 25-35.
- Burvill, S., Bowen, R., & Cummings, B. (2026). The role of regional actors in shaping cohesive local entrepreneurial ecosystems. *The International Journal of Entrepreneurship and Innovation*, 14657503261429724.

- Candelario-Moreno, C., & Sánchez-Hernández, M. I. (2024). Redefining rural entrepreneurship: The impact of business ecosystems on the success of rural businesses in Extremadura, Spain. *Journal of Entrepreneurship, Management and Innovation*, 20(2), 36-52.
- Chandre Gowda, M. J., & Prabhu Kumar, S. (2007). Strategies for agriculture and rural development through vocational education. *Journal of Rural Development*, 20(2), 36-52.
- Chen, Y., Ma, L., & Orazem, P. F. (2023). The heterogeneous role of broadband access on establishment entry and exit by sector and urban and rural markets. *Telecommunications Policy*, 47(3), 102504.
- Danziger, P. N. (2026, January 25). Brick-And-Mortar Makes A Comeback In A Changing Retail Landscape. *Forbes*. <https://www.forbes.com/sites/pamdanziger/2026/01/25/brick-and-mortar-makes-a-comeback-in-a-changing-retail-landscape/>
- Dubois, A., Copus, A., & Hedström, M. (2011). Local embeddedness and global links in rural areas: Euclidean and relational space in business networks. In *Translocal Ruralism: Mobility and Connectivity in European Rural Spaces* (pp. 103-121). Dordrecht: Springer Netherlands.
- Duvivier, C., & Bussi re, C. (2022). The contingent nature of broadband as an engine for business startups in rural areas. *Journal of Regional Science*, 62(5), 1329-1357.
- Erg n, Z., Bayram, A. T., & Bayram, G. E. (2025). Challenges and opportunities in rural women's entrepreneurship: Navigating financial, infrastructural, and societal barriers. *Empowering Women Through Rural Sustainable Development and Entrepreneurship*, 1-14.
- Farmer, J. L. (2023). The Role of Federalism in the Attainment of Collaborative Sustainability Outcomes in Small Communities. In *Local Government Administration in Small Town America* (pp. 318-334). Routledge.
- Franklin, A., & Marsden, T. (2015). (Dis) connected communities and sustainable place-making. *Local Environment*, 20(8), 940-956.
- Freitas, C., & Kitson, M. (2018). Perceptions of entrepreneurial ecosystems in remote islands and core regions. *Island Studies Journal*, 13, Article 1. <https://doi.org/10.24043/isj.44>
- Grande, J., & Carlsson, E. (2020). The support system's influence on nature-based business start-ups in a rural context. In *Research Handbook on Start-Up Incubation Ecosystems* (pp. 94-109). Edward Elgar Publishing.
- Gray, D. O., Boardman, C., & Rivers, D. (2012). The new science and engineering management: cooperative research centers as intermediary organizations for government policies and industry strategies. In *Cooperative research centers and technical innovation: Government policies, industry strategies, and organizational dynamics* (pp. 3-33). New York, NY: Springer New York.
- Hajilo, M. (2022). Exploring the spatial distribution pattern of micro and small businesses in rural areas: a case study of Gilan province, Northern Iran. *Spatial Information Research*, 30(6), 739-748.
- Ingutia, R., & Sumelius, J. (2024). Does cooperative membership facilitate access to credit for women farmers in rural Kenya?. *Journal of Agriculture and Food Research*, 18, 101425.
- Kov cs, J. K., & Zolt n, E. S. (2017). Rural enterprise hub supporting rural entrepreneurship and innovation-case studies from Hungary. *European Countryside*, 9(3), 473.
- Kaur, R., & Joshi, M. (2021). Review of Intangible Urban Planning Aspects for Sustainable Brick & Mortar Retail Markets. In *Global Emerging Innovation Summit (GEIS-2021)* (pp. 342-349). Bentham Science Publishers.
- Kaus, J., & Entsminger, J. (2026). Sustainable business model innovation in rural entrepreneurial ecosystems: a conceptual framework and research agenda. *Small Business Economics*, 1-24.
- Kelly, J. M. (2023). Placemaking as an Economic Development Strategy for Rural Governments. In *Local Government Administration in Small Town America* (pp. 45-57). Routledge.
- Khan, M. A., Gupta, B., Verma, A. R., Praveen, P., & Peoples, C. J. (Eds.). (2023). *Smart Village Infrastructure and Sustainable Rural Communities*. IGI Global.

- Kitole, F. A., & Genda, E. L. (2024, May). Empowering her drive: Unveiling the resilience and triumphs of women entrepreneurs in rural landscapes. In *Women's Studies International Forum* (Vol. 104, p. 102912). Pergamon.
- Klofsten, M., Norrman, C., Cadorin, E., & Löfsten, H. (2020). Support and development of small and new firms in rural areas: a case study of three regional initiatives. *SN Applied Sciences*, 2(1), 110.
- Kodmalwar, P., Jain, K., Kumar, V., Sood, Y., Mulla, R. A., & Rajebhosale, M. B. (2025). Bridging Financial Literacy and Credit Confidence: A Theoretical Model for Ongoing Client Engagement in Rural Microenterprise Lending. *Enterprise Development and Microfinance*, 35(1), 207-222.
- Kumar, P., Chauhan, S., Gupta, P., & Jaiswal, M. P. (2023). A meta-analysis of trust in mobile banking: the moderating role of cultural dimensions. *International Journal of Bank Marketing*, 41(6), 1207-1238.
- Küpper, P., Mettenberger, T., & Bermes, L. (2024). Pilot Projects to Secure Local Supply in Rural Areas. Start-ups, Community-oriented Entrepreneurs and Public Funding as Drivers?. *Raumforschung und Raumordnung| Spatial Research and Planning*, 82(2), 99-113.
- Lebambo, M. (2019). The role of entrepreneurial policies in developing rural tourism entrepreneurship in South Africa. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*, 8(3), 1-21.
- Lebambo, M., & Shambare, R. (2017). The state of bed and breakfast establishments in rural South Africa. *African Journal of Hospitality, Tourism and Leisure*, 6(3), 1-15.
- Leick, B., Gretzinger, S., & Makkonen, T. (2021). The rural enterprise economy: Conclusions and implications. In *The Rural Enterprise Economy* (pp. 237-244). Routledge.
- Lynn, T., Rosati, P., Conway, E., Curran, D., Fox, G., & O'Gorman, C. (2022). *Digital towns: accelerating and measuring the digital transformation of rural societies and economies* (p. 213). Springer Nature.
- Lyon, F. (2016). Pushing enterprise and entrepreneurship in the delivery of rural public services: the case of education and health services. <https://doi.org/10.1108/S2040-724620160000006009>
- Maliwichi, L. L., Manenzhe-Ramarope, M., & Strydom, M. (2023). The role of small-scale apparel manufacturing businesses in the provision of employment and income generation. *Development Southern Africa*, 40(4), 839-853.
- McDonagh, M., Staunton, M., & Ryan, L. (2026). Agri-food entrepreneurs' perceptions of the infrastructure to support their business: A West of Ireland analysis. *Journal of Agriculture, Food Systems, and Community Development*, 15(3), 1-15.
- Merrell, I., Phillipson, J., Gorton, M., & Cowie, P. (2022). Enterprise hubs as a mechanism for local economic development in rural areas. *Journal of Rural Studies*, 93, 81-91.
- Merrell, I., Rowe, F., Cowie, P., & Gkartzios, M. (2021). 'Honey pot' rural enterprise hubs as micro-clusters: Exploring their role in creativity-led rural development. *Local Economy*, 36(7-8), 589-605.
- Muñoz, P., & Kimmitt, J. (2019). Rural entrepreneurship in place: An integrated framework. *Entrepreneurship & Regional Development*, 31(9-10), 842-873.
- OECD. (2022). *Unlocking Rural Innovation*. OECD Rural Studies, OECD Publishing, Paris. https://www.oecd.org/content/dam/oecd/en/publications/reports/2022/09/unlocking-rural-innovation_4113a863/9044a961-en.pdf
- Pato, M. L., & Teixeira, A. A. (2016). Twenty years of rural entrepreneurship: A bibliometric survey. *Sociologia ruralis*, 56(1), 3-28.
- Peter, W., & Orser, B. (2024). Women entrepreneurs in rural Nigeria: formal versus informal credit schemes. *International Journal of Gender and Entrepreneurship*, 16(4), 602-623.
- Ali, H. (2024). Islamic microfinance: landscape, models and future prospects. Walter de Gruyter GmbH & Co KG.
- Reinl, L., Owens, E., Kelliher, F., & Harrington, D. (2015). Facilitating cross-border rural micro-firm knowledge exchange: A community of practice perspective. *The International Journal of Entrepreneurship and Innovation*, 16(3), 183-195.

- Reynolds, J. (2022). Building an entrepreneurial ecosystem to catalyze innovation in rural places. In *Building Rural Community Resilience Through Innovation and Entrepreneurship* (pp. 31-48). Routledge.
- Savithiri, D., Kasthuri, R., Rajeswari, P., Kavitha, P., Rajeswari, S., Adarsh, R., ... & Sivasubramanian, K. (2026). Self-help Group Model for Financial Sustainability of Rural Women in India: An Explanatory Study. In *Artificial Intelligence and Technology: Systems Management, Decisions and Control for Sustainability in the Digital Age* (pp. 969-976). Cham: Springer Nature Switzerland.
- Semkunde, M. A., Elly, T., Charles, G., Gaddefors, J., & Chiwona-Karltun, L. (2022). Rural entrepreneurship and the context: navigating contextual barriers through women's groups. *International Journal of Gender and Entrepreneurship*, 14(2), 213-234.
- Siemens, L. (2019). Strengthening and sustaining a community through reciprocal support between local businesses and the community. *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy*, 13(5), 668-680.
- Supreeta, Gupta, S. K., & Saranya, T. S. (2026). Empowering rural women through microfinance: Enhancing self-esteem and decision-making. *Multidisciplinary Reviews*. <https://10.31893/multirev.2026503>
- The Sun. (2025, August 17). Perlis KEMAS empowers rural women entrepreneurs with global vision. <https://thesun.my/news/malaysia-news/news-malaysia-news-perlis-kemas-empowers-rural-women-entrepreneurs-with-global-vision-oc14704695/>
- United Nations Development Programme [UNDP]. (2026). *Rural Entrepreneurship: Unlocking Potential for Inclusive Growth*. <https://www.undp.org/malaysia/blog/rural-entrepreneurship-unlocking-potential-inclusive-growth>
- Varga, V., & Rosca, E. (2019). Driving impact through base of the pyramid distribution models: The role of intermediary organizations. *International Journal of Physical Distribution & Logistics Management*, 49(5), 492-513.
- Villarreal-Valtierra, J. A., Wilson, J., & Méndez-Ortega, C. (2025). Funding sources and community embeddedness in rural collaborative spaces. *Contemporary Social Science*, 1-22.
- Virkkala, P., & Saarela, M. (2024, September). Developing and Testing a Rural Business Incubator: A Best Practice Framework. In *Proceedings of the 19th European Conference on Innovation and Entrepreneurship, ECIE 2024*. Academic Conferences International Limited.
- Xiang, G., & Hu, C. (2025). Review and prospects of rural entrepreneurship research: based on complex adaptive systems theory perspective. *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy*, 19(6), 1705-1720.

